

# PELITA



# BRUNEI

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 17 RABU 4 OGOS, 1965 1385 رابعو 14 جماد الآخر PERCHUMA

Allah Lanjutkan Usia Pengantin Di-Raja  
PERKAHWINAN DI-RAJA:

# ISTIADAT MULEH 3 HARI DI-LANGSONGKAN DENGAN SELAMAT-NYA

BANDAR BRUNEI. — Istiadat Muleh Tiga Hari bagi perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dengan sepupu-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha telah di-langsungkan pada petang hari Ahad yang lalu dengan selamat-nya.

Istiadat itu telah di-langsungkan di-rumah pengantin perempuan ia-itu rumah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Ayahanda Mertua kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

Sa-telah bermohon unto k muleh sa-bentar, rombongan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota pun berangkat ka-Istana Darul Hana dengan di-iringi oleh pegawai2 yang masing2 memegang Alat Perhiasan Kebesaran Di-Raja.

Pada malam hari Ahad itu juga, Istiadat pengantin laki2 muleh ka-rumah pengantin perempuan telah di-langsungkan dan istiadat itu telah di-hadiri oleh pembesar2 negara dan jemput2 khas.

Tepat pada pukul 8-45 malam, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota serta di-iringi oleh pembesar2 negara telah berangkat menuju ka-rumah pengantin perempuan.

Dalam rombongan tersebut, kelihatan satu kumpulan Awang2 dan satu kumpulan Dayang2 yang masing2 membawa bawaan2 Di-Raja di-dalam gangsa yang penoh berisi.

Ketibaan rombongan itu di-rumah pengantin perempuan telah di-sambut oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli

Pengiran Pemancha, dan sa-jurus kemudian istiadat bersanding "Muleh Tiga Hari" telah di-jalankan dengan di-iringi oleh bacaan Do'a Selamat oleh Sahibul Fadzilah Kadhi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin.

Orang yang pertama mengucapkan "selamat" di-istiadat bersanding muleh tiga hari itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan di-ikuti oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan sa-terus-nya oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan isteri dan di-ikuti

(Lihat muka 8)



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha kelihatan samasa bersanding



# MAJLIS MASHUARAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA MELULUSKAN USUL MENASEHATKAN KERAJAAN MEMBENA AMPANGAN2 AYER

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara, dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasharakatan pada pagi hari Selasa, 27 Julai, 1965 telah meluluskan 1 Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Sunggoh, Wakil bagi Kawasan Pintu Malim.

Usul itu berbunyi bahawa Majlis itu menasehatkan Kerajaan supaya Kerajaan dapat membena ampangan2 ayer serta paip2 ayer di-Kampong Subok, Pelambayan dan Dato Gandi bagi faedah dan kemudahan penduduk2 yang berkenaan dengan sa-lekas2-nya.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar, selaku Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah memimpin majlis itu.

Dalam uchapan beliau di-majlis itu, Awang Ali berkata bahawa Kerajaan akan sentiasa memberi pertolongan kepada anak2 kampong bagi melaksanakan ran-

changan2 yang munasabah untuk faedah mereka sekalian.

Saperti biasa, persidangan tersebut di-mulai dengan bacha'an Do'a Selamat.

Do'a Selamat itu di-bachakan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin, sa-orang ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang di-lantek oleh Kerajaan.

Sa-lepas Majlis itu meluluskan usul tersebut, Pengerusi Majlis itu pun menanggohkan persidangan itu ka-satu tarikh yang akan datang kelak.

## Sambutan Maulud Di-Temburong

BANGAR. — Kira2 1,000 orang telah mengambil bahagian dalam Majlis Sambutan Maulud di-Pekan Bangar, Temburong pada pagi 24 Julai, 1965.

Sambutan itu di-mulai dengan mengadakan satu perarakan dan di-ikuti dengan perjumpaan 'am.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin yang juga menjadi Pengerusi Jawatan Kuasa Sambutan Maulud Sa-Negeri Brunei telah menguchapkan tahniah atas kejayaan penduduk2

di-Daerah Temburong mengadakan majlis itu.

Beliau menasehatkan kapada Umat Islam di-seluroh negeri ini supaya mempelajari ajaran Ugama Islam dengan sa-dalam2-nya untuk faedah mereka.

Beberapa orang telah memberikan uchapan di-majlis itu. Di-antara-nya ia-lah Setia Usaha Jabaan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin; Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan dan Kadhi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam.

## Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI—Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 6 Ogos, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam: —

(a) Mulai pada pukol 11 pagi hingga ka-pukol 12-30 tengah hari di-Masjid Kampong Ke-riam, Tutong.

(b) Mulai pada pukol 2 petang hingga ka-pukol 4 petang di-Sekolah Melayu Sungai Besar, Brunei

Orang ramai, lelaki dan perempuan ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suchi.

## Waktu<sup>2</sup> Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu<sup>2</sup> sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah<sup>2</sup> Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4 Ogos hingga ka-hari Selasa 10 Ogos, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
4	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
5	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
6	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
7	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
8	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
9	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
10	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap<sup>2</sup> waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-30 tengah hari.

## Perkahwinan Di-Raja:

### SHARIKAT MINYAK SHELL MENGHANTAR KAWAT TAHNIAH

SERIA. — Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria, Awang P. E. Thompson telah menghantarkan sa-puchok Kawat Tahniah kepada Setia Usaha Sulit Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, bersempena dengan Hari Perkahwinan Di-Raja baru2 ini.

Kandongan kawat tersebut ada-lah seperti berikut:


"Pohon sembahkan kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha uchapan Ta't Setia dan Selamat Pengantin Baru serta uchapan kegembiraan dari seluroh pe-

kerja2 Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad atas Hari Perkahwinan Di-Raja mereka".

Sementara itu, Setia Usaha Sulit Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, telah mengirim kawat kapada Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell membalaus uchapan tahniah. Kawat tersebut berbunyi:

"Kawat tuan telah di-sebahkan kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha uchapan Ta't Setia dan Selamat Pengantin Baru serta uchapan kegembiraan dari seluroh pe-

## Persembahan Tablo Di-Majlis Sambutan Maulud Mukim Sengkurong



Satu pemandangan persembahan Tablo oleh Persatuan Belia Sengkurong di-Majlis Sambutan Maulud oleh penduduk2 Mukim Sengkurong yang telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Sengkurong baru2 ini.

## MALAM AMAL Ikatan Belia Berakas Brunei

BERAKAS. — Ikatan Belia Tabong Derma Ikatan Belia Berakas, Brunei (I.B.B.) akan Berakas, Brunei mempersembahkan Malam Amal Di-antara achara2 yang akan I.B.B. bertempat di-Dewan di-persembahan di-temasha ter-Sekolah Melayu Anggerek Desa, sebut ia-lah sa-buah derama ber-Berakas, Brunei pada malam hari jodol "Putus Di-tengah Jalan", tarian2, nyanyian2 dan lawak Sabtu 28 Ogos, 1965.

Tujuan di-adakan temasha derma bakti itu ia-lah untuk mengutip derma bagi membantu jenaka.—Berita kiriman Awangku Sabtu bin Pengiran Md. Salleh.

GUNAKAN-LAH  
BAHASA MELAYU

# 47 ORANG LAGI DI-BEBASKAN

BUNUT. — Seramai 47 orang bekas orang2 tahanan telah di-bebaskan baru2 ini sa-lepas tamat menghadiri kursus pemulihan di-Pusat Pemulihan Sa-Mula di-Bunut selama satu bulan.

Dengan pembebasan bekas orang2 tahanan itu, maka jumlah orang2 tahanan yang di-bebaskan sa-lepas menghadiri kursus pemulihan di-pusat tersebut ia-lah sa-banyak 1,580 orang.

Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah merasmikan pembebasan bekas orang2 tahanan tersebut.

Dalam uchapan beliau di-majlis itu, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali, antara-nya telah menyeru kapada bekas orang2 tahanan itu supaya mereka bekerjasama dengan Kerajaan.


Beliau menegaskan bahawa sa-memang-nya sudah-lah menjadi dasar Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda untuk membebaskan mereka itu.

Oleh itu, beliau telah meminta mereka supaya menghargakannya dan menolong Kerajaan bagi mencapai keamanan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali juga telah menasehatkan bekas orang2 tahanan itu bahawa jangan-lah hendak-nya mereka meniru jejak langkah orang2 yang chuba hendak menipu mereka untuk kepentingan diri orang2 itu sendiri. Jika sa-kira-nya orang2 itu hendak berjuang untuk mencha-

pai kemerdekaan, kata lagi Yang Berhormat Pengiran D.S.P. Haji Ali, elok-lah mereka itu bertugas sa-chara berperlembagaan dan bukan-lah menggunakan kekerasan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah di-temani ka-majlis itu oleh Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Penolong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang; Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan bin Uking dan Penolong Menteri Perubatan dan Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin.



Timbalan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud kelihatan dalam gambar ini semasa beliau memberi uchapan di-majlis pembebasan bekas orang2 tahanan di-Pusat Pemulihan Samula Bunut baru2 ini.

## 5 Orang Ahli2 M.M.N. Ka-Kedah

BERAKAS. — Lima orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Alor Star, Kedah pada hari Juma'at 30 Julai untuk merhatikan Persidangan Majlis Mashuarat Undangan Negeri Kedah yang akan berlangsung selama 4 hari mulai pada 7 Ogos.

Rombongan itu, di-ketuai oleh Dato Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, ada-lah mengandungi Yang Berhormat Awang Othman bin Sunggoh, Yang Berhormat Awang Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar, Yang Berhormat Awang Mohamed Zain bin Serudin, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar dan Yang Berhormat Awang Arif bin Mujun.

Mereka di-sertai oleh Tuan Syed Husain bin Abdillah, sebagai Setia Usaha rombongan.

## Ahli2 Mukim Council Muara

MUARA. — Yang Mulia Orang Kaya Bandar Mohamed Dayang bin Dato Bandar telah di-lantik menjadi Pengerusi Mukim Council Muara dan Pengiran Kahar bin Pengiran Haji Besar pula telah di-lantik menjadi Naib Pengerusi Mukim Council itu.

Guru Besar Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin Muara, Chegu Awang Julaihi bin Sulaiman telah di-lantik menjadi

Setia Usaha.

Ahli2 Mukim Council Muara yang telah di-lantik ia-lah sa-perti berikut:

Awang Ali bin Ahmad (Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Muara); Awang Lai Kim Mong, Awang Zainal bin Omar.

Awang Haji Mina bin Bulat, Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Chuchu, Awang Tamit bin

## Beg Jama'ah Haji Di-dapat Hilang

BANDAR BRUNEI. — Satu beg mengandungi pakaian dan lain2 barang telah hilang dalam sabuah kapal Kerajaan dari Labuan ka-Brunei pada 22 Jun yang lalu.

Beg itu ada-lah kepunyaan Pengiran Anak Haji Kundor bin Pengiran Sahak.

Oleh itu, orang ramai yang menjumpai beg itu, sila-lah menyerahturun kepada Awangku Jambul bin Pengiran Haji Sulaiman di-pejabat Talikom, Bandar Brunei atau pun kapada Pejabat Ugama Brunei untuk di-hantar-kan kepada tuan yang punya beg itu.

## Kursus Pegawai2 Dan Guru2 Ugama

BANDAR BRUNEI. — Kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama kali yang ke-empat di-bawah anjoran Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei di-jangka akan di-langsungkan mulai 29 Ogos hingga 2 September tahun ini bertempat di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Tujuan kursus tersebut di-adakan ada-lah bagi mengulang kaji kerja2 guru2 dan pegawai2 Ugama di samping menambahkan ilmu pengetahuan bagi usaha2 mengembangkan Ugama Islam di-negeri ini sesuai dengan perasmian-nya dalam perlengkapan negeri.

Sa-orang juruchakap kursus itu menyatakan bahawa kursus itu juga akan membincangkan beberapa buah kertas kerja berhubung dengan masalah2 yang di-hadapi oleh bahagian pelajaran Ugama dan perkembangan Ugama Islam di-Brunei sekarang ini.

Haji Nordin, Awang Besar bin Othman, Awang Said bin Orang Kaya Bandar.

Awang Haji Abdul Rahman bin Tassim, Awang Jumat bin Lampong, Awang Salleh bin Momin, Pengiran Idris bin Pengiran Metassan, Awang Ahad bin Raman.

Awang Taim bin Garif, Awang Karim bin Akim dan Awang Lamat bin Ahad.




Satu pemandangan Pejabat Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei pada waktu malam semasa sambutan Perkahwinan Di-Raja di-antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha.


# GAMBAR2 KENANGAN PERAYA




Sa-jurus Sa-belum Bersanding.



Istiadat Muleh Tiga



Pintu Gerbang Jabatan Kastam Di-Raja Brunei.



Pintu Gerbang Jabatan Kerja Raya.

BERBAI  
TELAH  
DI-RUH  
RAN M  
BARUNI  
WINAND  
PADU L  
HASAL

DI-SEJU  
PERAM  
BANDAR  
HANAN  
SEBOR  
YANGAL  
IA-ITUE


GAMBAR

SB

# AAAN PERKAHWINAN DI-RAJA



Istiadat Mengakad Nikah.



Perarakan Kereta Berhias dan Tanglong Di-waktu Malam.




Istiadat Berbedak2 Di-Raja.

BAM2 ISTIADAT DAN PERSEMBAHAN  
AHU-ADAKAN DI-ISTANA DARUL HANA,  
UNH Y.T.M. SERI PADUKA DULI PENGIRI  
MANCHA DAN DI-BANDAR BRUNEI  
UNI SA-BAGAI MENYAMBUT PERKAHWINAN  
ANDI-RAJA DI-ANTARA Y.T.M. SERI  
UNDULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA  
SAAL BOLKIAH DAN Y.A.M. PENGIRAN  
ANAK SALEHA.

EPJANG ISTIADAT BERJAGA2 DAN  
AYAN2 TERSEBUT, SUASANA DARI  
DABRUNEI HINGGA KA-ISTANA DARUL  
HANA-LAH SENTIASA BERKEADAAN  
OKLEH ORANG RAMAI DAN KERETA2  
GALU LINTAS DENGAN SATU TUJUAN  
TUNERAIKAN PERKAHWINAN DI-RAJA.

IB2 INI DI-AMBIL SEMASA DI-ADAKAN  
SABUTAN YANG BERSAJARAH ITU.



Perarakan Kereta Berhias.

# TINJAUAN DUNIA HARI INI

## BAHAYA PEPERANGAN MEMUNCHAK DI-VIETNAM

(Oleh HANAFI JOFFRI)

**P**ERANAN Amerika Sharikat dalam peperangan di-Vietnam Selatan sudah pun berlanjutan, dan tidak dapat di-nafikan lagi, bahawa di-samping bantuan dan belanjawan perjuangan semakin berlipat ganda begitu juga bahaya yang mungkin di-hadapi, di-negeri itu.

Masa perjuangan Amerika di-Vietnam Selatan, sudah menjadi lebih lama, dari perjuangan-nya di-Korea Selatan dulu, yang melibatkan Pasukan Bangsa2 Bersatu, apabila China Kominis dari Utara, melibatkan diri di-samping Korea Utara. Perjuangan di-Korea berakhir tiga tahun kemudian-nya, dan kepada Amerika perjuangan itu ada-lah yang kedua lama-nya perang luar negeri, dalam sejarah Amerika.

### DASAR DAN TEKAD


Dasar dan tekad Amerika di-Vietnam tidak berubah, sesuai dengan pengumuman yang dibuat oleh pemimpin-nya, President Johnson pada minggu yang lalu, bahawa Amerika mesti melaksanakan tanggong jawap-nya, dalam lain2 perkataan memberikan bantuan kewangan, kebenadaan dan askar2, bagi satu perjuangan yang akan terus berlangsung, hingga satu waktu yang tidak sa-orang pun dapat menentukan-nya, kerana permulaan lenyap-nya pertikaian di-negeri itu, tidak terbayang sama sekali.

Di-Amerika Sharikat baru2 ini, Johnson telah mengingatkan seluruh negara, supaya bersiap sedia dalam menghadapi tanggong jawap sa-penoh, memandang kapada bertambahnya pencherubohan dari sa-belah Utara. Johnson berkata, keputusan mutamad mungkin di-ambil tidak berapa lama lagi, jika keadaan memerlukan, ini dapat di-chontohi juga dari Akhbar New York Times yang menyatakan, bahawa perjuangan di-Vietnam ada-lah jauh bedza-nya dari perjuangan di-Korea.

Sa-belum keputusan yang lebeh berat di-terima, Amerika sudah pun mulai menambahkan bala tentera-nya di-Vietnam Selatan dari jumlah mula2 di-anggaran, ia-itu 75,000 orang kepada 125,000 orang. Tetapi menurut satu lagi laporan, Amerika mungkin menambahkan askar2-nya kepada 175,000 orang, dari jumlah 75,000 orang itu.

### KERAHAN

Bagaimana pun, keputusan awal Amerika hendak menghantar askar2 tambahan itu berarti, Amerika akan melaksanakan kerahan tenaga dari anggota2 simpanan, yang ada sekarang. Ranchangan2 pelaksanaan kerahan tenaga telah di-binchangkan



Dunia sedang berusaha untuk meletus-nya perang neuklear yang bahaya, dalam mana tenaga2 letupan dari peluru2 berpandu hingga ke-bom neuklear di-gunakan. Dalam gambar ini menunjukkan sebuah rocket British "Blue Streak" yang jaya di-lancharkan di-Woomera, Australia Selatan dalam tahun ini.



separa rengkas oleh Johnson dan pemimpin2 Kongres di-Rumah Putih di-samping permintaan Johnson kapada Kongres supaya mendapatkan 1.5 million ringgit sa-bagi tambahan untuk pertahanan, terutama sekali perjuangan di-Vietnam.

Persiapan2 ranchangan untuk membukakan anggota tentera tidak ada lain kuasa yang sang-

dalam beberapa bahagian sudah pun di-buat, terutama sekali ahli2 teknik dan lain2 pakar jurutera.

Kesanggupan Amerika memberikan tanggong jawab-nya di-Indo-China itu, ada-lah melibatkan dua perkara yang harus di-hadapi-nya, ia-itu perjuangan yang belum dapat menentukan kemenangan, dan keadaan hangat yang melibatkan seluruh negara, dalam melaksanakan tekad dan dasar di-Vietnam.

Penambahan bala tentera Amerika di-Vietnam ada-kah merupakan penambahan yang terakhir, maseh lagi di-sangskikan, lebeh2 lagi Johnson dalam uchapan-nya pada 21 Julai yang lalu berkata, Amerika tidak akan menyerah diri, dan berikrar tidak akan mengundur diri dari Vietnam.

### USAHA

Tidak berapa lama dulu, Amerika telah mengumumkan kesediaan-nya untuk mengadakan perundingan damai dengan pehak Utara, di-samping banyak lagi negara, yang chuba menjadi pehak ke-tiga dalam krisis di-negeri itu.

Britain juga baharu2 ini telah menghantarkan sa-orang perwakilan-nya, untuk memujok Hanoi supaya dapat menerima Badan Surohanjaya Perdamaian Commonwealth, yang mengandungi lima negara. Tetapi apa sahaja daya usaha yang telah di-berikan, sa-jauh ini nampak-nya tidak mendapat sambutan baik dari Kerajaan Hanoi.

Kerajaan Hanoi tidak dapat menerima sa-barang langkah, yang merintis kapada di-adakan perundingan, sa-lagi Amerika terus menambahkan bala tentera-nya di-Vietnam Selatan, dan serangan2 udara-nya ka-atas Vietnam Utara, yang maseh lagi di-lancharkan oleh Amerika dan Vietnam Selatan, hari ini.

### BANTUAN

Memandang kapada langkah Amerika di-Vietnam hari ini, maka ada sa-tengah2 kuasa mengambil kesimpulan, bahawa Vietnam Selatan sudah berada di-tangan Amerika, kerana perang di-Vietnam itu, sa-bahagian besar sekarang, telah menjadi tanggong jawab Amerika sendiri.

Tetapi Johnson menyatakan, langkah Amerika memberikan bantuan itu ada-lah menasabah, kerana melindungi Vietnam Selatan, dan Asia Tenggara dari di-jadikan Kominis, dan kerana tidak ada lain kuasa yang sang-

gup memberikan tanggong jawab.

Ada satu ketika Johnson telah meminta Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu, U Thant supaya berusaha, mendapatkan Badan Sa-dunia memberikan jasa dan ikhtiar, supaya perjuangan di-Vietnam itu dapat di-selesaikan sa-chara damai.

Tetapi sa-belum U Thant dapat memberikan buah fikiran yang lebeh lanjut, terdapat pula sa-tengah2 negara yang menjadi anggota Bangsa2 Bersatu, belum lagi sa-pendapat dengan Johnson, siapa sa-benar-nya menjadi pencherubohan di-Vietnam.

Akhir-nya U Thant menegasikan, bahawa masaalah Vietnam hanya akan dapat di-selesaikan melalui perundingan. Yang artinya, perkara itu mesti di-jalankan melalui penyelesaian tentera, hanya akan meluaskan perjuangan di-Vietnam.

Pendapat U Thant itu ada-lah sama dengan kenyataan bersama yang di-terbitkan oleh Perdana Menteri India, Tuan Lal Bahadur Shastri dan President Tito dari Yugoslavia, sa-lepas perundingan di-Balgrade minggu lepas. Kenyataan-nya itu juga telah di-terbitkan di-Kaherah pada malam Khamis yang lalu, apabila Tuan Shastri singgah di-Ibu Negeri Mesir itu dalam perjalanan-nya balek ka-India.

Kedua2 orang pemimpin India dan Yugoslavia itu mengharapkan kerja2 mengebom di-Vietnam, mesti di-hentikan, sa-bagai perintis jalan kapada rundingan2, untuk mendapatkan penyelesaian, tetapi ada-kah kenyataan2 itu semua akan dapat di-terima oleh Amerika sendiri, sa-telah ia-nya berikrar akan meneruskan perjuangan-nya di-Vietnam?

### SIASAT PERANG

Sementara itu, gerakan2 Kominis Viet Kong di-sa-belah Selatan, dalam beberapa minggu ini, nampak-nya semakin besar di-lancharkan, dan dalam semua serangan2 itu, Viet Kong nampak-nya berhasil membuat beberapa kejayaan. Serangan2 Kominis Viet Kong semakin membimbangkan apabila serangan2 itu di-lancharkan berhampiran dengan bandar Saigon. Dulu Kominis Viet Kong, tidak begitu chekap, tetapi sekarang ada kemungkinan siasat perang Viet Kong itu, mempunyai maksud yang tertentu, ia-itu membiarkan dahulupasukan Amerika masuk ka-Vietnam Selatan, dan menjadikan-nya sasaran utara, kerana sa-lama ini juga, dapat di-lihat kebanyakannya yang menjadi sasaran ia-lah pengkalan2 Amerika.

Memandang kapada perkembangan2 baru di-Vietnam, dapat-kah di-ramalkan sama ada perjuangan di-negeri itu akan dapat di-hentikan, menerusi kekerasan atau perundingan? Ini bergantung-lah kapada kebijaksanaan kuasa2 yang terlibat dalam pertikaian di-Vietnam sekarang.

**Perlawanan Kriket Sekolah2 Seluroh Borneo:**

# BRUNEI MENANG PERISAI D.Y.M.M.

SERIA. — Brunei telah berjaya mempertahankan gelaran kejuhannya apabila ia mengalahkan Sabah dengan satu "Inning" dan 78 "lari" dalam perlawanan kriket antara Sekolah2 Wilayah Borneo untuk merebut perisai kurnia dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Brunei.

Perlawanan tersebut telah dilangsungkan di-Padang Shell Recreation Club, Seria sa-lama dua hari berturut2 ia-itu pada 31 Julai dan 1 Ogos lepas.

Brunei telah memulai memukol bola dengan membuat 151 lari. Pukulan yang terbaik sa-kali telah di-buat oleh Teck Wan 41 lari Han Foo Kwang 37 lari dan Harry Brodie 25 lari.

Dalam perlawanan itu, Sabah chuma dapat membala dengan 41 lari dalam Inning pertama dan 31 lari dalam Inning yang ke-dua.



Pukulan yang baik sakali bagi Sabah telah di-buat oleh Ahmat Asrie dengan 14 lari.

Dalam perlawanan sa-lama dua hari itu, ahli pelontar Brunei, Kamis telah berjaya menewaskan empat orang pemain2 Sabah dengan chuma memberi satu lari sahaja ia-itu satu permainan yang jarang di-buat dalam perlawanan kriket di-negeri ini.

Sekolah Melayu S.M.J.A. telah mengalahkan Sekolah Melayu Sengkurong dalam Perlawanan Akhir Hoki antara murid2 perempuan Sekolah2 Melayu seluruh Negeri Brunei dengan 3 gol tidak berbalas. Perlawanan itu telah dilangsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 23 Julai, 1965.

Gambar Kanan: Penolong Menteri Pelajaran, Y.B. Orang Kaya Pekerja Dewa Awang Lukan bin Uking kelihatan menyampaikan Perisai Rebutan kepada Wakil Pasukan Sekolah Melayu S.M.J.A. yang menjadi Johan dalam perlawanan hoki tersebut.

Gambar Bawah: Gambar ramai Pengadil2, Guru2, dan pemain2 Pasukan2 Hoki Sekolah Melayu S.M.J.A. dan Sekolah Melayu Sengkurong sabelum dilangsungkan perlawanan hoki itu.



## JAWATAN2 KOSONG: Tawaran:

### Penyelenggara Setor

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei.

#### Kelayakan2:

1. Berumur 18 tahun hingga 40 tahun.

2. Lulus darjah IV Sekolah Melayu.

3. Mengetahui serba sedikit pengetahuan Ugama Islam.

4. Mempunyai pengalaman dalam pekerjaan setor.

Gaji: —Dalam sukaan gaji E. 1 - pada 20 Ogos, 1965.

2 - 3 = \$183x7 - 211 - 220x10  
- 260 - 280 - 290 - 300.

Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki meng-hantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu.

Permohonan2 mestilah di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kapada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari-

### Tawaran:

## Pembinaan Bangunan Dewan Bahasa Dan Radio Brunei

Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi, lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei, hingga puluk 3 petang pada hari Ithnin, 30hb. Ogos, 1965. bagi: —

### PEMBINAAN BANGUNAN DEWAN BAHASA/RADIO BRUNEI

Tawaran yang di-terima sa-lepas waktu yang di-tetapkan ini tidak di-pertimbangkan. Jumlah banyak dan butir2 lain boleh di-perolehi dari pejabat James Cubitt, Leonard Manasseh dan Pakatan. Akitek Berkanun, Tingkat Kedua, 148, Jalan Chevalier, Bandar Brunei, di-waktu pejabat. Lukisan2 boleh juga di-perekra di-pejabat itu.

Tawaran2 mestilah di-isi di-dalam sampul surat biasa yang belum bertulis dan tidak akan

di-benarkan mengandungi tanda2 yang akan mengenalkan penawar di atasnya.

Di-luar sampul surat itu mestilah beralamat kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Tingkat Bawah, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei.

Pekerjaan yang di-tawarkan mestilah di-nyatakan dengan terang di atas sampul surat sa-perti berikut: —

### PEMBINAAN BANGUNAN DEWAN BAHASA/RADIO BRUNEI.

Tawaran2 yang di-terima di-dalam sampul surat yang tidak betul alamat-nya akan tidak di-pertimbangkan.

Chengkeram untuk tawaran itu ia-lah sebanyak \$500/- (ringgit lima ratus sahaja).

Tawaran2 mestilah di-buat di atas borang yang berchetak yang boleh di-perolehi dari Akitek di-masa membayar chengkeram tersebut di atas.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sa-barang tawaran.

### Kerani2 Tingkatan B

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat untuk memenuhi jawatan2 sebagai Kerani Tingkatan B Superscale II dan Kerani Tingkatan B Superscale I. Pegawai2 yang memohon mestilah berkhidmat dalam jawatan tetap.

Pemohon2 bagi jawatan Kerani Tingkatan B Superscale II mestilah mempunyai sekurang-nya 5 tahun perkhidmatan sebagai Kerani Tingkatan B Superscale I, dan pemohon2 bagi jawatan Ke-

rani Tingkatan B Superscale I mestilah mempunyai sekurang-nya 5 tahun perkhidmatan sebagai Kerani Tingkatan B.

Permohonan2 mestilah di-hantar melalui Ketua Pejabat dan mereka2 ini di-kehendaki meng-hantar Laporan Sulit tentang tugas2 si-pemohon dan tentang kelayakan2 mereka untuk di-naikkan pangkat.

Pegawai2 yang tidak berjaya dulu-nya boleh-lah memohon se-kali lagi sekira-nya dia mahu di-pertimbangkan semula.

Permohonan2 mestilah sampai kapada Pegawai2 Perjawatan tidak lewat daripada 5 Ogos, 1965, dan permohonan2 yang tiba lewat daripada tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.



Gambar ini menunjukkan sa-waktu di-jalankan istiadat bersanding "Muleh Tiga Hari" Perkahwinan Di-Raja antara Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Isteri.

## ISTIADAT MULEH 3 HARI

(Dari muka 1)

oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan isteri.

Perkahwinan Di-Raja itu telah di-langsungkan pada 29 Julai yang baru lalu dengan di-hadhiri oleh kira-kira 3,000 orang para jemputan termasok pembesar-negara, ahli2 Majlis Mashuarat dan pemimpin2 pertubuhan dan kaum.

### ISTIADAT BERSANDING

Sa-bagai menandakan bermula-nya istiadat bersanding di-hari perkahwinan di-raja itu, sa-banyak 19 das tembakan meriam telah di-lepaskan dan di-ikuti dengan bacaan do'a selamat.

Orang yang pertama mengucapkan selamat pengantin di-hari perkahwinan kedua2 mempelai di-raja itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, di-ikuti oleh Y.T.U. Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Tuan Webber dan sa-terusnya oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, ayahanda kepada pengantin perempuan.

Selesai saja istiadat itu, kedua2 pengantin Di-Raja itu pun berangkat ka-Keinderaan Di-Raja untuk berarak ka-sakellling Bandar Brunei di-mana tidak kurang dari 10,000 orang ra'ayat yang berbilang bangsa sedang menunggu2 untuk menyaksikan wajah kedua2 pengantin itu.

Perarakan pengantin Di-Raja itu telah di-dahului oleh Pencharagam Pulis Brunei dan di-ikuti

oleh Pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Di-belakang pasukan2 pencharagam itu, berbaris sambil mara hadapan pegawai2 yang memegang Alat Perhiasan Kebesaran Di-Raja yang masing2 memakai pakaian merah bagi satu kumpulan dan hitam bagi satu kumpulan yang lain.

Pegawai2 itu ada-lah terdiri dari 16 orang yang memegang Tumbak, 16 orang memegang Pedang dan 40 Sinipit.

Di-belakang pegawai2 itu pula ia-lah sa-buah keinderaan yang membawa dian yang bergelar "Alam Bernaga" dan sa-lepas itu di-ikuti oleh keinderaan Pengantin Di-Raja yang di-hiasi dengan ukir2an ayemas yang berupa sa-buah bahtera dengan di atas bumbong keinderaan itu ter-pachak gagah Panji2 Negara.

### PERARAKAN PENGANTIN

Kenaikan Pengantin Di-Raja itu di-ikuti oleh kereta yang membawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan kereta Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Kerabat Di-Raja, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Ahli2 Yang Berhormat, Orang2 Kenamaan dan ketua2 kaum.

Jalan2 yang di-lalui oleh perarakan itu telah di-barisi oleh berbilang orang kanak2 sekolah dan penuntut2 Maktab yang berpakaian seragam sambil mengibarkan bendera Brunei dan gambar2 pengantin di-raja ketika perarakan itu melalui mereka.

### MAJLIS PERSANTAPAN

Sementara itu, pada malam tadi di-Balai Indera Kenchana Istana Darul Hana telah di-adakan Majlis Persantapan Di-Raja yang di-hadhiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Majlis Persantapan itu ada-lah bagi uchap selamat dan kesukuran atas sempurna-nya perkahwinan Di-Raja itu di-jalankan.

Sa-lain dari Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Pengiran Isteri, turut hadir juga di-majlis itu ia-lah Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Duli2 Wazir, Cheteria2, Pegawai2 Kanan Kerajaan.

### TARIAN2

### KEBUDAYAAN

Sa-bagai menyerikan lagi Majlis Persantapan Di-Raja itu tarian2 kebudayaan telah di-persembahkan oleh pemuda pemudi di-Bandar Brunei.

Sa-bagai penutup istiadat berjaga2, pada petang ini istiadat menutup Gendang Jaga-jaga Di-Raja akan di-adakan di-Istana Darul Hana dan di-ikuti dengan Majlis Berzanji dan do'a selamat dan sa-telah itu akan kedengaran tembakan meriam sa-banyak 19 das.

Menurut susunan achara mulai pukul 7.00 malam ini akan di-adakan di-Istana Edinburgh, Jalan Berakas, majlis persembahan Jamuan Santapan.

Dalam majlis itu nanti, persembahan2 "Selamat Pengantin Di-

Raja" kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Pengiran Isteri akan di-persembahkan oleh Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Besok, di-Padang Besar Bandar Brunei akan di-adakan pertunjukan Senaman persembahan murid2 sekolah2 di-Bandar Brunei.

Ada-lah di-jangkakan bahawa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Pengiran Isteri akan berangkat untuk menyaksikan persembahan senaman itu.

### Sambutan Maulud Di-Tutong

**TUTONG.** — Daerah Tutong telah mengadakan sambutan hari Keputeraan Nabi Mohammad s.a.w yang telah di-langsungkan pada 30 dan 31 Julai yang lalu dengan mengadakan perarakan2 dan peraduan2 membacha sajak dan sharanan.

Perarakan berjalan kaki di-selangi dengan selawat dan pujian2 bagi Nabi Mohammad s.a.w. telah di-adakan pada 30 Julai dan perarakan tersebut telah di-dahului oleh Pasukan Pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Sajur-sajur sa-belum perarakan itu di-adakan tembakan meriam sa-banyak 12 das telah di-lepasan. Perarakan2 itu telah diambil bahagian oleh Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Sambutan tersebut, kanak2 sekolah dan orang2 kampong di-Daerah itu.